

**KERTAS PELAPORAN
JAWATANKUASA PEMANDU
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

**Kajian Pewujudan Jawatan Baru oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
Berasaskan Penyiasatan Guna Tenaga (PGT) Suku Tahunan 2014**

Disediakan oleh:

Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

Jabatan Perangkaan Malaysia

Februari 2015

**Format Kertas Cadangan Dan Pelaporan
Kajian Di Bawah Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik**

1. Tajuk Kajian: **Kajian Pewujudan Jawatan Baru oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Berasaskan Penyiasatan Guna Tenaga (PGT) Suku Tahunan 2014**

- 1.1 **Teras**

Teras Strategik 1: Mempertingkatkan penyelidikan dan analisis serta membudayakan inovasi

- 1.2 **Strategi**

Strategi 2: Meningkatkan keupayaan dan penyelidikan analisis.

2. **Latar Belakang**

- 2.1 **Pengenalan**

Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2012-2020 telah menetapkan tiga sasaran utama bagi PKS Malaysia pada tahun 2020 iaitu sumbangan KDNK PKS sebanyak 40%, nilai eksport PKS sebanyak 25% dan sumbangan Guna Tenaga sebanyak 62%. Mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi Pembangunan PKS Bil. 1/2014 bertarikh 22 Julai 2014 telah membincangkan tentang pelaksanaan Pelan Induk PKS (2012-2020) iaitu cadangan pihak BNM, bagi memastikan pelaksanaan Pelan Induk PKS yang berkesan, pemantauan hendaklah disertakan dengan pengumpulan data secara berstruktur.

Dalam hal ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa bermula tahun 2014, Jabatan telah memulakan kaji selidik mengenai pewujudan pekerjaan baru yang boleh dijadikan sebagai salah satu kriteria yang boleh diukur dalam menilai keberkesanan Pelan Induks PKS. Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Penyiasatan Guna Tenaga 2014 iaitu penyiasatan baharu pada asas suku tahunan yang dilaksanakan bertujuan mendapatkan maklumat pewujudan jawatan baharu. Justeru PGT 2014 perlu dikaji kesesuaiannya untuk digunakan bagi penyusunan statistik jawatan baru bagi pertumbuhan PKS.

2.2 Pernyataan Masalah (*Problem Statement*)

Pertubuhan PKS dijangka turut memberikan sumbangan kepada kadar pewujudan jawatan baru. Sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Petugas Peringkat Tertinggi Pembangunan PKS Bil.1/2014 (MPKS), satu kajian mengenai pewujudan jawatan baru yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sedang dilaksanakan ketika ini. Pada ketika ini juga tiada sebarang sumber rasmi yang dapat mengukur bilangan dan kadar pewujudan jawatan baharu oleh pertumbuhan PKS. Justeru, BPPIB bercadang untuk menggunakan data PGT 2014 sebagai kajian baru bagi menentukan kebolehgunaannya dalam mengukur sumbangan terhadap PKS.

3. Objektif Kajian

- i. Mengkaji kebolehgunaan data Penyiasatan Guna Tenaga (PGT) 2014 bagi menyusun statistik Pewujudan Jawatan Baru oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana.

4. Pendekatan Metodologi

4.1 Sumber Data

Data yang digunakan adalah berpandukan :

- i. Data Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan 2014 melibatkan pertubuhan yang berstatus borang lengkap. Pertubuhan dikelaskan mengikut liputan MSIC, sektor ekonomi utama iaitu Alam Sekitar, Bekalan Elektrik, Pembinaan, Pembuatan, Perkhidmatan, Pertanian dan Petroleum dan Gas Asli.
- ii. Data hasil diperoleh daripada EE Frame.
- iii. Perbandingan data Penyiasatan Tenaga Buruh.
- iv. Hasil Kajian Penganggaran Guna Tenaga Dalam Industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), 2003-2013 oleh Bahagian Koordinasi Data.
- v. Profil guna tenaga PKS 2010

4.2 Kaedah Analisis

Analisis data terbahagi kepada dua peringkat meliputi :

i. Penentuan Taraf PKS

Penentuan taraf PKS yang digunakan adalah berdasarkan definisi baru yang dikeluarkan oleh Majlis PKS Kebangsaan yang mula berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 yang meliputi dua kategori utama iaitu:

Kategori	Mikro	Kecil	Sederhana	Besar
Hasil	<RM300,000	RM300,000 - < 15 juta	RM 15 juta - RM 50 juta	> 50 juta
Pekerja Bergaji sepenuh masa	< 5 orang	5 - 74 orang	75 - 200 orang	201 orang dan ke atas

ii. Penyusunan Peratus Pewujudan Jawatan Baru oleh PKS

Penyusunan peratus pewujudan jawatan baru oleh PKS adalah berdasarkan liputan sampel yang diliputi dalam Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan 2014.


Data tanda aras (*benchmarking*) yang digunakan untuk perbandingan adalah daripada Penyiasatan Tenaga Buruh, Banci Ekonomi, Penyiasatan SSE dan juga data sasaran jawatan baru PEMANDU mengikut sektor NKEA menjelang 2020 sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan.

Data-data tersebut yang terdapat dalam banci/penyiasatan seperti Banci Ekonomi dan Penyiasatan Tahunan tidak mempunyai maklumat *labour demand* dan jawatan baru. Sehubungan itu, pepadanan dan kajian terperinci perlu dibuat terlebih dahulu.

iii. Kategori jawatan

Penentuan kod kategori jawatan adalah berdasarkan klasifikasi *Malaysia Standard Classification of Occupation 2013 (MASCO)*. Kategori pekerjaan yang diliputi adalah dalam sektor swasta.

iv. Rangka kerja pengiraan Bilangan Perjawatan, Jawatan Diisi, Kekosongan Jawatan dan Pewujudan Jawatan Baru seperti berikut :



4.3 Jadual Pelaksanaan

Seperti di Lampiran

5. Hasil Dan Rumusan

5.1 Hasil/Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya sebanyak 70.9 pertubuhan dikelaskan sebagai PKS dalam Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan 2014. Pecahan kepada tiga komponen yang terdiri daripada Mikro menyumbang sebanyak 36.5 peratus, Kecil sebanyak 36.5 peratus dan Sederhana sebanyak 27.0 peratus. Kajian ini ingin melihat sumbangan bilangan pewujudan jawatan baru oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi tahun 2014.

Sumbangan bilangan jawatan diisi tahun 2014 oleh PKS kepada total keseluruhan sektor utama adalah sebanyak 57.5 peratus. Daripada jumlah keseluruhan bilangan jawatan diisi dalam PKS bagi sektor ekonomi, sumbangan bilangan jawatan diisi didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 78.97 peratus. Ini disusuli pula oleh Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 13.07 peratus, dan sektor Pertanian sebanyak 7.36 peratus seperti **di Jadual 1.1**

Jadual 1.1 : Penemuan Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan 2014 berasaskan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Bilangan	Sektor Utama	Bilangan Perjawatan	Bilangan Jawatan Diisi	% Sumbangan Bilangan Jawatan Diisi	Peratus Kekosongan Jawatan	Peratus Pewujudan Jawatan Baru
1	Alam Sekitar	2,823	2,507	0.10	11.19	20.9
2	Bekalan Elektrik	4	4	0.007	-	-
3	Pembinaan	866	866	0.04	-	-
4	Pembuatan	338,740	312,895	13.07	7.63	23.9
5	Perkhidmatan	2,290,274	1,890,172	78.97	17.47	55.8
6	Pertanian	193,327	176,104	7.36	8.91	57.0
7	Petroleum dan Gas Asli	10,912	10,912	0.46	-	-
Jumlah		2,836,946	2,393,460	100	15.63	54.0

Jadual 1.2 : Peratus Kekosongan Jawatan dan Peratus Pewujudan Jawatan Baru bagi Sektor Utama mengikut pecahan Sederhana, Kecil dan Mikro

Bilangan	Sektor Utama	Peratus Kekosongan Jawatan			Peratus Pewujudan Jawatan Baru		
		Sederhana	Kecil	Mikro	Sederhana	Kecil	Mikro
1	Alam Sekitar	14.5	10.7	-	23.2	-	-
2	Bekalan Elektrik	-	-	-	-	-	-
3	Pembinaan	-	-	-	-	-	-
4	Pembuatan	6.7	8.6	7.6	31.1	20.4	4.1
5	Perkhidmatan	14.1	16.8	19.2	26.8	61.1	57.9
6	Pertanian	7.6	13.4	3.5	27.9	95.2	57.8
7	Petroleum dan Gas Asli	-	-	-	-	-	-
Jumlah		10.6	15.5	18.7	27.6	59.5	57.5

Dari segi peratus kekosongan jawatan sektor yang menunjukkan peratus kekosongan jawatan yang tinggi adalah sektor Perkhidmatan iaitu 17.47 peratus disusuli oleh sektor Pertanian sebanyak 8.91 peratus dan sektor Pembuatan sebanyak 7.63 peratus. Manakala peratus pewujudan jawatan baru oleh PKS pada tahun 2014 telah didominasi oleh tiga sektor utama iaitu sektor Perkhidmatan sebanyak 55.8 peratus, sektor Pertanian sebanyak 57.0 peratus dan sektor Pembuatan sebanyak 23.9 peratus.

Jadual 2.1 : Penemuan Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan 2014 berasaskan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut Kategori Pekerja

Bilangan	Kategori Pekerja	Bilangan Perjawatan	Bilangan Jawatan Diisi	% Sumbangan Bilangan Jawatan Diisi	Peratus Kekosongan Jawatan	Peratus Pewujudan Jawatan Baru
1	Pekerja Mahir	997,737	865,271	36.2	13.28	42.26
2	Pekerja Separa Mahir	1,356,011	1,145,185	47.8	15.55	39.73
3	Pekerja Kurang Mahir	483,198	383,004	16.0	20.74	99.36
Jumlah		2,836,946	2,393,460	100.0	15.63	53.95

Jadual 2.2 : Peratus Kekosongan Jawatan dan Peratus Pewujudan Jawatan Baru bagi Kategori Pekerja mengikut pecahan Sederhana, Kecil dan Mikro

Bilangan	Kategori Pekerja	Peratus Kekosongan Jawatan			Peratus Pewujudan Jawatan Baru		
		Sederhana	Kecil	Mikro	Sederhana	Kecil	Mikro
1	Pekerja Mahir	8.1	12.9	15.3	30.35	54.21	34.81
2	Pekerja Separa Mahir	10.4	14.8	20.4	16.74	50.62	38.52
3	Pekerja Kurang Mahir	13.8	23.3	23.4	46.83	83.42	142.14
Jumlah		10.6	15.5	18.7	27.64	59.52	57.49

Jadual 2.1 menunjukkan daripada jumlah keseluruhan bilangan jawatan diisi dalam PKS mengikut kategori pekerja, kategori Pekerja Separa Mahir menunjukkan sumbangan tertinggi sebanyak 47.8 peratus, diikuti oleh kategori Pekerja Mahir sebanyak 36.2 peratus dan kategori Pekerja Kurang Mahir sebanyak 16.0 peratus. Dari segi peratus kekosongan jawatan, kategori Pekerja Kurang Mahir menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 20.74 peratus dengan peratus pewujudan jawatan baru sebanyak 99.36 peratus.

Berdasarkan daripada Laporan Tahunan PKS 2014/2015, jumlah pertumbuhan guna tenaga PKS yang dicatat pada tahun 2014 adalah sebanyak 65.0 peratus. Ia disumbangkan oleh bilangan pekerja yang dicatatkan pada tahun 2014, yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh PKS dalam sektor perkhidmatan (+561,000 pekerja). Sumbangan guna tenaga PKS turut meningkat disebabkan oleh pelaksanaan projek *Economic Transformation Program* (ETP) dan *Government Transformation Program* (GTP) secara berterusan.

Berdasarkan penemuan PGT 2014, sumbangan pewujudan jawatan baru oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh dua subsektor iaitu sektor Pemborongan dan Peruncitan serta Pelancongan. Ia seiring dengan potensi sektor Pemborongan dan Peruncitan yang telah menyumbang sebanyak 12.7 peratus kepada KDNK Negara. Pada suku kedua tahun 2014, industri mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 8.88 peratus. Selain itu, sektor Pelancongan juga merupakan penyumbang keenam tertinggi kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2014. Ia didorong oleh peningkatan tambahan pelancong sebanyak 6.7 peratus kepada 27.4 juta dan perolehan pelancongan berjumlah RM 72 bilion.

Sektor perkhidmatan telah menunjukkan peratus sumbangan yang besar dari segi bilangan jawatan diisi, peratus kekosongan dan juga pewujudan jawatan baru. Jika dilihat dari segi penemuan ini menunjukkan walaupun dalam industri PKS, sektor Perkhidmatan tetap menjadi mercu utama dalam memberi sumbangan kepada ekonomi Negara. Begitu juga, jika dibandingkan dengan penemuan Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan yang telah diterbitkan mengikut Sektor NKEA turut menunjukkan sumbangan yang tinggi bagi dua subsektor dalam Sektor Perkhidmatan iaitu Pelancongan dan Pemborongan dan Peruncitan. Walaubagaimanapun,

berdasarkan penemuan yang diperoleh menunjukkan kajian ini masih lagi memerlukan perlu ditambah baik dengan pemilihan sampel di peringkat PKS.

5.2 Limitasi Kajian

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk pensampelan berdasarkan kepada Sektor NKEA. Walau bagaimanapun, kajian ini telah menyesuaikan penemuan yang diperoleh mengikut sektor NKEA kepada sektor Ekonomi. Sehubungan itu, kajian ini akan diperluaskan lagi kepada sumbangan sektor utama Ekonomi dengan liputan bilangan industri yang lebih meluas. Bilangan pertubuhan akan meningkat dan seterusnya sumbangan jawatan baru PKS dijangka turut meningkat.

Selain itu, dari segi penambahbaikan cadangan untuk menyediakan rangka kerja penyusunan Pewujudan Jawatan Baru oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) secara sistematik bagi penyediaan komponen Indikator Pasaran Buruh yang lebih komprehensif. Dengan adanya kajian seperti ini dapatlah membantu memenuhi keperluan *stakeholders* bagi mengukur keberkesanan Pelan Induk PKS 2012-2020.